

**NO. SOALAN : 357**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**  
**[POKOK SENA ]**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah syarikat tempatan yang telah mendapat kebaikan daripada pelaksanaan Program Pembangunan Vendor (VDP) oleh PETRONAS dan bagaimanakah ianya telah membantu mengembangkan lagi industri minyak dan gas di Malaysia**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, program Vendor Development Programme (VDP) telah dilancarkan pada tahun 1994 sebagai salah satu daripada pelbagai langkah PETRONAS di dalam melahirkan dan membangunkan syarikat-syarikat milik Bumiputera yang kompetitif dan berdaya saing. Sejak penubuhannya, program VDP telah memberi peluang kepada sebanyak 88 buah syarikat Bumiputera melalui penganugerahan kontrak-kontrak yang berjumlah RM7.7 bilion.

Pendekatan yang telah diambil bagi pelaksanaan VDP adalah untuk memberi peluang dan latihan yang diperlukan bagi syarikat-syarikat tersebut untuk berdaya saing dengan syarikat-syarikat antarabangsa dalam industri minyak dan gas yang memerlukan kepakaran yang tinggi dan khusus.

Hasil daripada usaha ini, sebanyak 72 buah syarikat daripada 88 buah syarikat tersebut telahpun berjaya digraduasikan daripada program VDP berdasarkan kepada kemajuan yang telah dicapai untuk berdaya maju dan bersaing dengan pesat di dalam industri minyak dan gas sama ada di peringkat domestik dan juga antarabangsa.

Sekian, terima kasih.